

**PEMBANGUNAN ROHANI MENURUT PERSPEKTIF IMAM FAKHR AL-DIN  
AL-RAZI DALAM KITAB AL-NAFS WA AL-RUH WA SHARH QUWAHUMA:  
SATU CADANGAN PENYELIDIKAN**

Fairus Ridzuan Abd Jalil  
 Bahagian Pengajian Islam,  
 Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
 Universiti Sains Malaysia  
 fridzuan\_abdjalil@yahoo.com.my

**ABSTRAK**

Pelaksanaan sesebuah pembangunan bergantung kepada entiti utama, iaitu manusia. Tanpa manusia sebagai pelakunya, pembangunan tidak dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, keseimbangan yang sepatutnya dilakukan terhadap elemen fizikal dan rohani dalam pembangunan insan tidak tercapai apabila keperluan terhadap pembangunan rohani semakin dilupakan. Kenyataan ini boleh dirujuk melalui pelbagai permasalahan dan isu semasa yang berlaku dalam kehidupan masyarakat hari ini, sama ada di peringkat antarabangsa atau tempatan. Persoalannya, dengan tahap kemajuan yang dimiliki pada hari ini dan pembangunan yang boleh dibanggakan, mengapa masalah gejala sosial dan keruntuhan nilai akhlak masih lagi berlaku kepada manusia? Oleh itu, kertas kerja ini cuba mengusulkan cadangan penyelidikan bagi mengkaji kaedah pembangunan rohani menurut perspektif Imam Fakhr al-Din al-Razi dengan merujuk kitab beliau, iaitu *Kitab Al-Nafs Wa Al-Ruh Wa Sharh Quwahuma*. Bagi mencapai objektif cadangan penyelidikan ini, kajian perpustakaan dan analisis kandungan tidak ketara akan digunakan. Perkara ini dibincangkan dengan harapan agar satu model pembangunan rohani dapat dihasilkan sebagai alternatif penyelesaian kemelut masyarakat hari ini agar melahirkan kualiti insan yang diiktiraf dalam ajaran Islam dan mendapat keredaan Allah S.W.T.

**Kata kunci:** *pembangunan rohani, imam fakhr al-din al-razi, kitab al-nafs wa al-ruh wa Sharh uwahuma*

**PENGENALAN**

Kajian ini secara umum merupakan satu usaha untuk menyediakan alternatif penyelesaian masalah masyarakat hari ini berdasarkan rujukan terhadap tulisan atau karya para ulama terdahulu yang kuat berpegang kepada kaedah al-Quran dan al-Sunnah. Salah satu karya tersebut ialah *Kitab al-Nafs wa al-Ruh wa Sharh Quwahuma* daripada Imam Fakhr al-Din al-Razi yang membincangkan aspek rohani manusia.

Secara lebih khusus, kajian ini berhasrat mengenal pasti konsep pembangunan rohani dengan menganalisis tema-tema utama pembangunan rohani yang disusun oleh Imam Fakhr al-Din al-Razi dalam *Kitab al-Nafs wa al-Ruh wa Sharh Quwahuma*. Penganalisisan yang dilakukan ini akan merumuskan pendekatan Imam Fakhr al-Din al-Razi dalam menyampaikan paradigma

pembangunan rohani dan merangka satu model pembangunan rohani berdasarkan analisis tersebut.

Oleh itu, kertas kerja ini cuba meneliti beberapa aspek utama dalam cadangan penyelidikan. Pertama ialah pernyataan masalah. Kedua ialah objektif kajian. Ketiga pula ialah melihat skop dan batasan kajian. Keempat ialah kepentingan kajian ini dijalankan. Semua bahagian ini akan menentukan hala tuju cadangan penyelidikan ini untuk bergerak kepada sebuah kajian yang komprehensif.

### **PERNYATAAN MASALAH**

Keperluan terhadap pembangunan rohani semakin dilupakan. Kenyataan ini boleh dirujuk melalui pelbagai permasalahan dan isu semasa yang berlaku dalam kehidupan masyarakat hari ini, sama ada di peringkat antarabangsa atau tempatan. Satu isu yang dialami oleh kebanyakan individu hari ini ialah masalah mental. Simptom ini banyak mendorong individu terlibat untuk membunuh diri. Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) menganggarkan bahawa hampir sejuta orang yang membunuh diri setiap tahun, membabitkan angka tertinggi iaitu 60 peratus di negara-negara Asia (Faizatul Farhana Farush Khan, 2010).

Kes bunuh diri yang dihadapi oleh beberapa negara maju, contohnya seperti di Jepun, membabitkan seramai 90 orang rakyat negara tersebut setiap hari akibat tekanan kerana sakit mental, masalah pengangguran yang tinggi dan kos perlindungan hidup yang tidak mencukupi (Harian Metro, 17 Oktober 2013). Di peringkat tempatan pula, menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin pada 9 Oktober 2013, kes pesakit mental dalam kalangan remaja berusia 25 tahun ke bawah menunjukkan peningkatan angka daripada 13 peratus pada tahun 1996 kepada 19.4 peratus pada tahun 2006 dan mencecah peningkatan sebanyak 20 peratus pada tahun 2012 (Harian Metro, 17 Oktober 2013).

Persoalannya, dengan tahap kemajuan yang dimiliki pada hari ini dan pembangunan yang boleh dibanggakan, mengapa kes seperti ini masih lagi berlaku dalam kalangan manusia? Pengarah Pusat Kajian Pengurusan dan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Muhammad Syukri Salleh menjelaskan bahawa perkara sedemikian berlaku kerana pemisahan agama daripada pembangunan, pembangunan insan yang hanya merujuk kepada unsur memaksimakan produktiviti atau hasil, justifikasi pembangunan rohani tanpa fokus terhadap unsur roh, kalbu dan nafsu (mahmudah dan mazmumah) serta pembangunan dan kebahagiaan yang palsu, bukan pembangunan dan kebahagiaan yang hakiki (Harian Metro, 17 Oktober 2013).

Isu keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja pula semakin bertambah serius keadaannya dan menunjukkan peningkatan saban tahun. Menurut statisitik pada tahun 2013, terdapat 7,816 kes jenayah juvana (Berita Harian, 4 Mei 2014). Daripada jumlah tersebut, penglibatan pelajar sekolah menunjukkan angka sebanyak 1,632 kes dan menunjukkan peningkatan sebanyak 57 peratus berbanding pada tahun 2012 iaitu sebanyak 1,042 kes (Berita Harian, 4 Mei 2014).

Kes jenayah berat dalam kalangan mereka yang berada pada usia persekolahan juga menunjukkan peningkatan, iaitu daripada 368 kes pada tahun 2012 kepada 542 kes pada tahun 2013 (Berita Harian, 4 Mei 2014). Bagi kes jenayah berat dalam kalangan mereka yang bukan berada pada usia persekolahan pula, turut berlaku peningkatan, iaitu daripada 849 kes pada tahun 2012 kepada 2,011 kes pada tahun 2013 (Berita Harian, 4 Mei 2014). Angka yang dipamerkan menunjukkan satu gambaran kehidupan masyarakat yang amat membimbangkan, apatah lagi berlaku pada golongan yang masih muda yang sudah terjebak dengan kancang jenayah berat seperti rogol dan bunuh.

Perkara ini jelas menunjukkan nilai institusi kerohanian semakin merudum dalam aspek pembangunan insan. Hal ini berlaku kerana tumpuan pembangunan hari ini yang lebih memberatkan aspek pembangunan material atau fizikal, seperti yang disogokkan dalam perspektif Barat (Mohd Fauzi Hamat, 2012:31-32). Penekanan terhadap pembangunan insan Barat yang bersepada hanya tertumpu kepada aspek kerajaan, sektor swasta dan tenaga manusia yang dilaburkan untuk keperluan dan kemajuan bidang-bidang tertentu seperti pendidikan, kependudukan, kesihatan, maklumat pasaran buruh, perancangan tenaga kerja, pembangunan luar bandar dan lain-lain (Mohd Fauzi Hamat, 2012:47).

Perkara ini turut berlaku dalam penetapan Indeks Pembangunan Manusia (HDI) yang dikeluarkan oleh Laporan Pembangunan Manusia, Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) sejak tahun 1980 (Kamil Md Idris, 2014). HDI merupakan satu pengukuran perbandingan bagi menilai kemajuan dan pembangunan sesebuah negara berdasarkan tiga kriteria iaitu kesihatan, pendidikan dan taraf hidup yang baik (Kamil Md Idris, 2014). Taraf pembangunan negara berdasarkan tiga kriteria tersebut dibahagikan kepada tiga kategori penilaian, iaitu sangat tinggi (maju), tinggi, (hampir maju), sederhana (sedang membangun) dan rendah (mundur) (Kamil Md Idris, 2014). Hal ini telah mengenepikan aspek pembangunan rohani secara langsung.

Al-Quran telah menggariskan kepentingan aspek rohani dalam pembangunan insan yang didasari oleh hakikat ketauhidan yang sebenar dan dapat dihasilkan melalui beberapa perkara, antaranya ialah merenungi kebesaran Allah S.W.T. melalui ciptaan-Nya agar manusia berfikir dan meyakini hakikat keesaan Allah S.W.T., meneladani kisah-kisah kaum yang terdahulu agar tidak mengulangi kesilapan yang sama, memelihara kesucian agama dengan menegakkan syariat agama dalam kehidupan sebagai simbolik ketaatan hamba Allah S.W.T. serta yakin terhadap balasan akhirat atas setiap bentuk perbuatan manusia di dunia ini (Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, 2010:4-6). Secara khusus, Allah S.W.T. menjelaskan tentang mekanisme pembangunan insan sebenar melalui ayat berikut yang bermaksud,

“Dia-lah yang mengutus kepada kaum yang buta huruf seorang rasul di antara mereka, yang membacakan ayat-ayat-Nya kepada mereka, menyucikan mereka dan mengajarkan mereka Kitab dan Hikmah (al-Sunnah). Dan sesungguhnya mereka sebelumnya benar-benar dalam kesesatan yang nyata.” (*al-Jumu’ah*, 62: 2).

Ayat di atas telah menerangkan peranan Nabi Muhammad S.A.W. sebagai agen pembangunan insan yang dapat melahirkan insan kamil meliputi aspek jasmani, rohani, emosi dan fizikal iaitu

membacakan ayat-ayat-Nya (tilawah al-Quran), membersihkan jiwa (*tazkiyyah al-nafs*) dan mengajarkan al-Quran dan al-Sunnah (*ta'lim* kitab dan hikmah) (Zuridan Mohd. Daud, 2010:5-6). Perkara ini bertentangan dengan nilai falsafah Barat yang melihat pembangunan tanpa aspek ketuhanan dan kerohanian, sedangkan hubungan menegak antara Allah S.W.T. dan manusia sebagai hamba-Nya akan mencorakkan hubungan sosial sesama manusia yang lain (Mohd Fauzi Hamat, 2012:53). Hubungan yang terbentuk ini akan melahirkan keseimbangan dalam pembangunan yang memenuhi tuntutan jasmani (dunia) dan rohani (akhirat), sebagaimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud,

“Dan carilah (pahala) negeri akhirat dengan apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu, tetapi janganlah kamu lupakan bahagianmu di dunia...” (*al-Qasas*, 28: 77).

Hal ini bertepatan dengan kenyataan Imam al-Ghazali (m.505H) bahawa aspek pembangunan rohani dan fizikal perlu diseimbangkan kerana komponen roh dan jasad saling bergantung bagi membentuk hakikat kemanusiaan (Nik Azis Nik Pa, 2007:32). Perkara ini selari dengan konsep personaliti yang dikemukakan oleh al-Quran, namun kepentingan aspek rohani lebih ditekankan berbanding fizikal dalam melahirkan insan kamil; iaitu perkaitan antara empat unsur rohani dalam diri manusia iaitu *al-qalb*, *al-nafs*, *al-ruh* dan *al-'aql* dalam usaha mengenali hakikat insan yang sebenar, matlamat penciptaan manusia adalah untuk pengabadian diri kepada Allah S.W.T. meliputi niat dan setiap perbuatan, perutusan setiap nabi dan rasul ke dunia adalah sebagai petunjuk dalam kehidupan manusia di dunia, ujian ke atas manusia berupa godaan syaitan dan sifat pelupa yang perlu diatasi kerana kedua-duanya merupakan kelemahan manusia yang nyata, serta tahap kekuatan iman bergantung kepada tingkatan nafsu, iaitu *nafs al-ammarah*, *nafs al-lawwamah* dan *nafs al-mutma'innah* (Noor Shakirah Mat Akhir, 2002).

Oleh itu, kepincangan masyarakat hari ini perlu disuburkan semula melalui kaedah pembangunan rohani yang telah ditetapkan oleh Islam. Salah satu kaedah tersebut ialah meneliti semula warisan khazanah Islam yang telah ditinggalkan oleh para ulama terdahulu menerusi karya-karya mereka yang kian hilang daripada rujukan dan amalan masyarakat hari ini. Antara ulama yang telah menaburkan jasa yang banyak dalam dunia keilmuan Islam ialah Imam Fakhr al-Din al-Razi yang mendapat gelaran Hujjatul Islam selepas Imam al-Ghazali. Karya-karya beliau yang masyhur ialah *Mafatih al-Ghayb*, *Muhassal* dan *Kitab al-Nafs wa al-Ruh wa Sharh Quwahuma*. Kajian ini menggunakan *Kitab al-Nafs wa al-Ruh wa Sharh Quwahuma* sebagai rujukan utama dalam mengupas mekanisme pembangunan rohani menurut perspektif Imam Fakhr al-Din al-Razi kerana kandungan kitab tersebut yang mengupas persoalan tentang akhlak dalam kehidupan manusia dan jalan penyembuhan terhadap beberapa penyakit rohani dalam diri manusia.

## OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kepada pernyataan masalah di atas, secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengkaji kaedah pembangunan rohani menurut perspektif Imam Fakhr al-Din al-Razi dengan menganalisis kitab beliau, iaitu *Kitab al-Nafs wa al-Ruh wa Sharh Quwahuma*.

Secara khusus, kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif-objektif berikut:

1. Mengenal pasti konsep insan (manusia) dan rohani (jiwa) menurut Imam Fakhr al-Din al-Razi dalam *Kitab al-Nafs wa al-Ruh wa Sharh Quwahuma*.
2. Menganalisis tema-tema utama pembangunan rohani dalam *Kitab al-Nafs wa al-Ruh wa Sharh Quwahuma*.
3. Membina rantaian hubungan antara tema-tema utama pembangunan rohani dalam *Kitab al-Nafs wa al-Ruh wa Sharh Quwahuma* dengan aspek pembangunan fizikal (tingkah laku manusia)
4. Merumuskan kaedah yang digunakan oleh Imam Fakhr al-Din al-Razi dalam menyampaikan paradigma pembangunan rohani dalam *Kitab al-Nafs wa al-Ruh wa Sharh Quwahuma*.
5. Merangka satu model pembangunan rohani berdasarkan hasil analisis yang dijalankan

### **SKOP DAN BATASAN KAJIAN**

Kajian ini hanya fokus kepada perspektif Imam Fakhr al-Din al-Razi dalam *Kitab al-Nafs wa al-Ruh wa Sharh Quwahuma*. Kajian ini meneliti tema-tema utama pembangunan rohani dalam karya tersebut. Tema-tema tersebut dilihat dari perspektif pemikiran Imam Fakhr al-Din al-Razi berkenaan kepentingan pembangunan rohani berdasarkan *Kitab al-Nafs wa al-Ruh wa Sharh Quwahuma*.

Beberapa batasan tertentu ditetapkan agar penyelidikan yang dijalankan tidak melebihi had dan sempadan yang diperlukan. Bagi batasan rujukan, kajian ini menggunakan *Kitab al-Nafs wa al-Ruh wa Sharh Quwahuma* karangan Imam Fakhr al-Din al-Razi sebagai rujukan utama. Edisi yang digunakan ialah edisi Bahasa Arab yang ditahqiq oleh Muhammad Saghir Hasan al-Ma'sumi dan diterbitkan oleh Islamic Research Institute, Islamabad, Pakistan. Selain itu, dua edisi terjemahan turut digunakan; iaitu edisi Bahasa Indonesia (diterbitkan oleh Risalah Gusti, Surabaya, Indonesia) dan edisi Bahasa Inggeris (diterbitkan oleh Kitab Bhavan, New Delhi, India).

Bagi batasan subjek, fokus kajian melalui tema-tema utama pembangunan rohani hanya tertakluk kepada isi kandungan *Kitab al-Nafs wa al-Ruh wa Sharh Quwahuma*. Namun dalam menghuraikan tema-tema tersebut, penulis membuat rujukan dan perbandingan antara kitab-kitab lain tulisan Imam Fakhr al-Din al-Razi seperti kitab *Mafatih al-Ghayb*. Bagi batasan analisis pula, kajian menganalisis tema-tema pembangunan rohani yang dibincangkan oleh Imam Fakhr al-Din al-Razi dalam *Kitab al-Nafs wa al-Ruh wa Sharh Quwahuma*.

### **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan sama ada kepada individu, organisasi dan negara. Kepentingan utama ialah menanam pemahaman tentang istilah insan dan keperluan rohani yang sebenar menurut perspektif Islam dan pemikiran ulama silam seperti Imam Fakhr al-Din al-Razi. Perkara ini adalah penting supaya masyarakat mengenali hakikat dan tujuan penciptaan insan yang sebenar. Hasil daripada kajian ini kelak dapat mendedahkan masyarakat kepada aplikasi pembangunan rohani dalam *Kitab al-Nafs wa al-Ruh wa Sharh Quwahuma*.

untuk disesuaikan dengan keperluan masyarakat hari ini. Kajian ini juga dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan pembangunan rohani yang sewajarnya diseimbangkan dengan pembangunan fizikal bagi melahirkan aspek pembangunan yang holistik.

Seterusnya, kajian ini dapat melahirkan model pembangunan rohani yang baru berdasarkan perspektif Imam Fakhr al-Din dalam *Kitab Kitab al-Nafs wa al-Ruh wa Sharh Quwahuma* sebagai alternatif kepada model pembangunan rohani sedia ada. Pembinaan model tersebut dapat memberi satu alternatif baru terhadap proses pembangunan rohani melalui pemikiran dan kaedah ulama silam yang berautoriti tinggi seperti Imam Fakhr al-Din al-Razi dalam melahirkan modal insan yang cemerlang di dunia dan akhirat.

Selain itu, kajian ini turut berperanan untuk mendekatkan masyarakat hari ini dengan karya-karya silam dalam bidang keilmuan Islam seperti *Kitab al-Nafs wa al-Ruh wa Sharh Quwahuma* dan mengimplementasikan pengisian ilmu tersebut dalam kehidupan umat Islam masa kini. Harapan yang besar juga agar kajian ini dapat menjadi inspirasi untuk melahirkan penyelidik-penyelidik seterusnya dalam mengkaji kitab-kitab turath lain sebagai alternatif penyelesaian dalam kemelut permasalahan umat Islam hari ini dan menghasilkan kajian-kajian Islamik yang bermutu tinggi.

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, kepentingan aspek rohani menjadi pemacu utama dalam pembangunan insan yang berjaya. Perkara ini meletakkan kajian-kajian tentang pembangunan rohani sebagai suatu yang utama dan perlu dijalankan secara berterusan, apatah lagi dengan keruntuhan akhlak masyarakat Muslim hari ini, khususnya umat Islam yang semakin jauh daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh itu, rujukan dan kajian ke atas kitab turath seperti *Kitab al-Nafs wa al-Ruh wa Sharh Quwahuma* oleh Imam Fakhr al-Din al-Razi ini sangat penting sebagai jalan untuk membina semula masyarakat Muslim daripada dalaman, iaitu pembentukan rohani yang lebih kuat dan membawa insan kepada keredaan Allah S.W.T.

## RUJUKAN

- Al-Razi, Fakhr al-Din Abu Abdullah Muhammad Umar (1970). *Kitab al-Nafs wa al-Ruh wa Sharh Quwahuma*. Islamabad, Pakistan: Islamic Research Institute.
- Al-Razi, Fakhr al-Din Abu Abdullah Muhammad Umar (1992). *'Ilm Al-Akhlaq*. New Delhi: Kitab Bhavan.
- Al-Razi, Fakhr al-Din Abu Abdullah Muhammad Umar (2000). *Ruh & Jiwa: Tinjauan Filosofis Dalam Perspektif Islam*. Surabaya: Risalah Gusti.
- Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid (2010). “Membina Kembali Modal Insan Muslim”, dalam Mohd Roslan Mohd Nor & Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim, eds., *Pembangunan Modal Insan dan Tamadun Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

- Kamil Md Idris (4 Mei 2014). IPM Indikator Status Kemajuan Negara. *Utusan Malaysia*, 10.
- Mohd Fauzi Hamat (2012). *Akidah dan Pembangunan Modal Insan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nik Azis Nik Pa (2007). “Harapan dan Cabaran dalam Pembangunan Manusia”, dalam Ahmad Mohamad Said & Khalidah Salekan, eds., *Pembangunan Insan – Aspirasi dan Realiti*. Selangor: Kolej Dar al-Hikmah.
- Noor Shakirah Mat Akhir (2002). Al-Ghazali’s Concept of Personality. *Jurnal Hamdard Islamicus*, 25, 29-34.
- Noor Shakirah Mat Akhir (2008). *Al-Ghazali and His Theory of the Soul: A Comparative Study*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Pembangunan Rohani Remaja Tidak Menyeluruh (17 Oktober 2013). *Harian Metro*, 25.
- Peningkatan Kes Jenayah Juvana Membimbangkan (4 Mei 2014). *Berita Harian*.
- Terjemahan al-Qur'an al-Karim Rasm Uthmani dalam Bahasa Melayu* (2010). Selangor: Al- Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.
- Zuridan Mohd. Daud (2010). *Penyucian Jiwa*. Kuala Lumpur: Must Read Sdn. Bhd.